

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 09/07/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 27

Tajuk : Angkasa Negeri Sembilan serah zakat perniagaan RM31,000

Angkasa Negeri Sembilan serah zakat perniagaan RM31,000

SEREMBAN 8 Julai - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) negeri menerusi tiga ahli di bawahnya menyerahkan zakat perniagaan berjumlah hampir RM31,000 kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan di sini.

Pengerusi Angkasa negeri, Datuk Ibrahim Abdullah berkata, koperasi yang terlibat ialah Koperasi Astana Raja Berhad, Guru Melayu Negeri Sembilan serta Homestay Lonek Jempol Berhad dengan jumlah masing-masing sebanyak RM16,661, RM9,313 dan RM5,174.

“Selain itu koperasi turut melakukan infak bagi membantu mereka yang memerlukan dengan jumlah kutipan sebanyak RM3,722.

“Aktiviti ini merupakan acara tahunan yang dilakukan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab koperasi kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Angkasa negeri di sini.

Yang turut hadir, Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Ibrahim berkata, Angkasa ne-

geri bukan sekadar memfokuskan kepada peluang membangunkan koperasi malah mencari peluang untuk membantu golongan miskin.

Dalam perkembangan lain Ibrahim memaklumkan, Angkasa negeri akan beroperasi di pejabat baharu di Pusat Perniagaan Paroi dalam tempoh dua bulan lagi.

Katanya, pemindahan ke lokasi baharu itu bagi menyediakan persekitaran kerja yang lebih baik untuk pekerja di samping menyasarkan perkhidmatan lebih berkesan kepada masyarakat.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tiga dari kiri) beramah mesra dengan wakil koperasi dalam majlis Sambutan Aidilfitri Angkasa di Negeri Sembilan baru-baru ini. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA